

Headline	EPIC raih hasil RM273 juta		
MediaTitle	Kosmo		
Date	17 Jul 2018	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Niaga	Page No	52
ArticleSize	324 cm ²	Journalist	MOHD.AZLI
PR Value	RM 25,224		



Loji jana kuasa tenaga solar miliki kapasiti 18.5 MW di Teluk Kalong mula beroperasi

EPIC raih hasil RM273 juta

Oleh MOHD, AZLI ADLAN

KEMAMAN – Loji jana kuasa tenaga solar milik syarikat berkaitan kerajaan negeri Terengganu, Eastern Pacific Industrial Corporation Bhd. (EPIC) mula beroperasi secara rasmi semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Noor Fadzil Mohamed Nor berkata, loji jana kuasa terbesar di negara ini memiliki kapasiti sehingga 18.5 megawatt (MW).

Itu dibina di tapak berkeluasan 28.35 hektar di Teluk Kalong di sini.

Menurut Noor Fadzil, projek itu dibangunkan bersama firma swasta tempatan, MIE Industrial Sdn. Bhd. dengan kos sebanyak RM86 juta.

“Tenaga solar yang terhasil dari loji berkenaan akan disalurkan ke dalam sistem Rangkaian Grid



JURU Pendawaian Elektrik EPIC, Zainuddin Salleh memeriksa loji jana kuasa tenaga solar yang telah beroperasi.



NOOR FADZIL (dua dari kiri) menyaksikan Ahmad Samsuri (tengah) menandatangani plak sebagai tanda perasmian loji jana kuasa tenaga solar di Teluk Kalong, Kemaman semalam.

Nasional Tenaga Nasional Bhd. (TNB) untuk tempoh 21 tahun.

“Sepanjang tempoh perjanjian yang akan berakhir sehingga tahun 2039 itu, EPIC menyasarkan

untuk menjana pendapatan sebanyak RM273 juta atau kira-kira RM13 juta setahun,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis pelancaran

loji jana kuasa tenaga solar itu di Teluk Kalong di sini semalam.

Turut hadir Menteri Besar Terengganu, Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar.

Noor Fadzil menjelaskan, penglibatan EPIC dalam industri bekalan tenaga baharu secara besar-besaran di wilayah Pantai Timur merupakan salah satu strategi syarikat untuk mempelbagaikan sumber pendapatan.

Itu juga bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan kepada perniagaan berasaskan minyak dan gas.

Menurut beliau, projek penajaan tenaga solar berkenaan diharap bukan sahaja dapat memberi impak positif kepada ekonomi negeri Terengganu secara berturut-turut tetapi turut merancakkan pembangunan Kawasan Perindustrian Teluk Kalong di sini.

“Penajaan tenaga solar ini juga dapat memberi manfaat kepada pengguna domestik dan komersial di sekitar daerah ini,” katanya.